

قلمروي

PETIKAN TITAH
“DI samping kemajuan kita dalam negara, hubungan diplomatik kita dengan negara-negara sahabat juga tetap akan dipupuk dan dipelihara. Ianya adalah teras kemantapan politik, ekonomi dan keselamatan.”

Ia akan menjadi amalan berterusan, berasaskan prinsip berbaik-baik dan hormat-menghormati kedaulatan masing-masing. - Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 pada 23 Februari 2012.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“DAN Dialah Allah menundukkan lautan untukmu agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan) dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai dan kamu melihat bahtera belayar padanya dan supaya kamu mencari keuntungan dari kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur.”
- (Surah An Nahl ayat 14).

TAHUN 57 / BILANGAN 69

9 JUN 2012 / 1433 19 ربیع

EDISI SABTU / PERCUMA

Berkenan menerima mengadap Menteri Besar Pahang

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Besar Pahang, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob.

Yang Amat Berhormat berada di negara ini dalam rangka lawatan tiga hari bagi jelajah kembara Sukan Malaysia Ke-15 Pahang 2012.

Dalam Majlis Mengadap tersebut, Yang Amat Berhormat disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Abdullah Sani bin Omar; Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Muhammad Safian bin Haji Ismail; Pengurus Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Sharik bin Haji Shamsudin dan Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Yang Berhormat Dato' Haji Wan Adnan bin Wan Mamat.

Juga hadir dalam Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Besar Pahang, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.



DPMM tinjau Projek RKN10

Oleh : Abdullah Asgar, Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 berkenan berangkat meneruskan lawatan kerja bagi meninjau projek-projek di bawah RKN Ke-10.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan berangkat ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Keberangkatan DYTOM dijunjung oleh Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10, Yang

Ke muka 12 & 13

DI DALAM



Muka 3

PERHIMPUNAN 'mercu tanda' capai Dasar Belia Negara



Muka 5

KONTRAK kajian Sistem Pengangkutan Darat ditandatangani



Muka 6

MoU Penyelaras Bersama APT JSO ditandatangani

Menara telekomunikasi dalam pembinaan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Khamis, 7 Jun. - Ke arah memberi kefahaman akan kepentingan menara telekomunikasi dalam memberi perkhidmatan telekomunikasi, Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AiTi) mengadakan taklimat mengenainya bagi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di daerah ini, berlangsung di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Temburong.

Semasa dialog bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, para penghulu dan ketua-ketua kampung bagi Daerah Temburong mengenai menara telekomunikasi, Ketua Eksekutif AiTi, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin berkata pihak penyedia telekomunikasi merancang bagi menambah penempatan menara-menara di tempat yang bersesuaian di daerah ini yang mana ada beberapa menara yang masih dalam proses pembinaan.

“Bagi Syarikat B-Mobile, sebanyak enam buah menara kini di dalam proses pembinaan iaitu, Labu, Kastam Labu, Rataie, Batang Tuau, Kampung Lagau dan Batang Duri, manakala syarikat DST pula, sebanyak tujuh buah menara yang di dalam proses pembinaan iaitu di Kampung Selapon, Kampung Temada, Buang Bulan, Labu Check Point, Kampung Belayang, JKR Batu Apoi dan di Lakiun,” jelasnya.

Ke muka 24

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah rahmat serta dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini di Majlis Pembukaan Rasmi Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kerajaan Kali Ke-11, 2012.

Terlebih dahulu peramba/saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di atas kesempatan pada pagi ini untuk peramba/saya hadir di majlis berkebajikan ini.

Dikesempatan ini juga peramba/saya mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam kerana dapat terus bersama-sama mengungkayahkan Program Pembangunan Eksekutif.

Di majlis yang murni pada pagi ini, sesuai dengan acara kita bagi memulakan sekali lagi Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kerajaan Bagi Kali Ke-11, saya akan berpanjang lebar sedikit mengenai keberhasilan kerja atau produktiviti di sektor awam.

Menyentuh mengenai keberhasilan kerja atau produktiviti ini saya tidak akan bermula dengan gagasan-gagasan yang canggih mengenainya atau penandaarasan berdasarkan kemajuan negara-negara maju. Apalah relevan dan strategiknya jika kita dapat fokus dan melihat kemajuan orang lain, tetapi pandangan kita kabur terhadap kenyataan yang ada di hadapan mata kita.

Kita mudah lupa dan lahai tentang di mana kita berada sebenarnya. Jika kita bercakap tentang kepimpinan dan pengurusan, acap-acap dan mudah sekali kita terlampaui hanyut di dalam arus kemajuan negara lain atau masyarakat lain di dalam konteks kenyataan mereka yang berlainan dengan kenyataan yang kita hadapi. Jika mahu menyentuh pasal teori, berteorilah sejauh manapun setentunya teori akan membantu. Jika mahu berkiblat kepada amalan dan pencapaian terbaik ini memang baik setentunya penandaarasan ini akan membantu.

Tetapi kita tidak boleh berterusan alpa dengan pengetahuan kita megenai dengan kemajuan orang lain sedangkan pengetahuan kita mengenai kelemahan-kelemahan kita sendiri kita tolak di bawah tigor. Pada akhirnya jika sikap kita berterusan seperti ini keberhasilan kita lebih banyak di peringkat ilmu pengetahuan saja tetapi kurang di dalam menggunakan ilmu untuk menghadapi kenyataan bagi penyelesaian.

Pada pagi ini saya akan memperkatakan satu perkara yang menjadi keperluan asasi bagi keberhasilan kerja atau produktiviti di sektor awam di negara kita.

Perkara itu tidak lain tidak bukan ialah kedadangan bekerja.

Kita tidak perlu berselindung mengenai isu-isu kedadangan yang terdapat didalam sektor awam dalam mana isu-isu kedadangan ini berkenaan yang telah menjadi pengetahuan umum atau *public knowledge*. Secara keseluruhan pencapaian kedadangan kita di dalam sektor awam adalah rendah dan kesannya ke atas produktiviti adalah jelas dan ketara. Pemasalahan ini sangat menjelaskan integriti sektor awam kita dalam mana cabaran dan tanggungjawab kita semua ialah untuk menangani isu ini secara komited dan dedikasi sehingga berjaya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah baginda sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-17 pada tahun 2010 pernah mengingatkan kita mengenai kepentingan perkara-perkara assasi seperti kedadangan.

Baginda bertitah "... Beta suka mengingatkan bahawa apa pun rancangan untuk memajukan Perkhidmatan Awam sama ada ia dalam bentuk pelan strategik atau pelan pemberian berterusan maka kita adalah mustahak untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang asasi dan utama tidak diabaikan. Di antara perkara-perkara tersebut ialah seperti kedadangan komitmen dedikasi disiplin dan integriti. Jika perkara-perkara ini tidak ada atau kurang mantap maka apa pun usaha untuk pembaharuan pengurusan



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned berucap pada Majlis Perlancaran Rasmi Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kerajaan Bagi Kali Ke-11 Tahun 2012, berlangsung pada hari Isnin, 14 Rejab 1433 Hijrah bersamaan 4 Jun 2012 Masih bertempat di Bangunan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam.

Tangani isu datang kerja secara komited

dan teknologi tidak akan berhasil."

Tepat sekali kebimbangan baginda mengenai peluang keberhasilan usaha kita untuk memperbaiki pengurusan dan kepimpinan di dalam Perkhidmatan Awam jika kita tidak serius dengan perkara-perkara asasi seperti kedadangan.

Baginda juga pernah bertitah secara khusus mengenai pertalian masa dan produktiviti di dalam titah baginda sempena Menyambut Tahun Baru Masih 2009.

Baginda bertitah "... Adalah lumrah bagi manusia mengejar ilmu pengetahuan dan harta kekayaan. Tetapi tidak ramai orang yang melihat nasa melebih dari segala-galanya. Sebab itu pada perhitungan yang betul, masa adalah satu titik tolak utama dalam memikirkan peningkatan produktiviti negara dan lain-lain kemajuan."

Titah-titah baginda ini mengenai kedadangan, masa dan keberhasilan atau produktiviti mendasari kepentingan bagi kita semua mempunyai kesedaran menangani masa sebagai perkara utama.

Kesedaran inilah perlu ada untuk dipupuk oleh setiap peringkat pengurusan dan kepimpinan.

Masa dan kedadangan adalah segalanya sebagai perkara utama. Selagi kita mempunyai

masalah mengenainya ia tetap tidak boleh diambil ringan apatah lagi diambil andaian yang masalah ini akan terurus sendirinya.

Pergerakan produktiviti negara-negara maju mempunyai fokus berlainan. Mereka sudah sampaikan ke peringkat untuk menemukan teknik-teknik produktiviti baru, membiak dan menyebarkan teknik-teknik itu untuk digunakan dan sasaran strategik mereka ialah untuk menambah baik keberkesanan dan kualiti di dalam pembuatan untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Kedudukan mereka ini berlainan kerana mereka sudah memenuhi perkara-perkara wajib seperti kedadangan, komitmen, dedikasi, disiplin dan integriti. Sebab itu mereka memfokus kepada cara-cara meningkatkan kapasiti pengurusan, inovasi dan optimasi pekerja.

Di dalam keadaan Perkhidmatan Awam kita masih menghadapi isu-isu perkara wajib seperti kedadangan pendekatan kita adalah penting untuk lebih bersifat pragmatik.

Pendekatan kita ialah untuk tidak tertinggal di dalam usaha-usaha pergerakan produktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan efisiensi, keberkesanan, kebertanggungjawaban, penjimatkan kos, ketelusan dan kecepatan.

Ke muka 3

SIDANG PENGARANG

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarall,

Hezlinawati Haji Abd. Karim,

Ak. Jefferi Pg. Durahman,

Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadadi,

Abdullah Asgar,

Abu Bakar Haji Abdul Rahman,

Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,

Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,

Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,

Haniza Abdul Latif,

Rohani Haji Abdul Hamid,

Nooratini Haji Abas,

Khartini Hamur,

Saerah Haji Abdul Ghani,

Aimi Sani,

Aryenty Haji Ariffin

Penyuntingan

Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal

Bolhassan Haji Abu Bakar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Igrami Haji Suahimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,

Hajah Raini Haji Bidin,

Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,

Muhd. Zaidani Haji Zinin,

Mohammad Izzuddin Jeffree,

Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin



AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Dari Sidang Pengarang.

9 JUN 2012 BERSAMAAN 1433 رجب 19

ISU KEDATANGAN BEKERJA PERLU DITANGANI

KITA tidak perlu berselindung mengenai isu-isu kedadangan bekerja di sektor awam yang mana isu ini menjadi pengetahuan umum. Secara keseluruhan, pencapaian kedadangan di sektor awam adalah rendah dan kesannya ke atas produktiviti adalah jelas dan ketara. Isu ini setentunya sangat menjelaskan integriti sektor awam dalam mana cabaran dan tanggungjawab kita ialah menanganisasi isu ini secara komited dan dedikasi sehingga berjaya.

Dalam hubungan ini, Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan beberapa langkah untuk membantu meningkatkan kesedaran dan penanganan mengenai kedadangan ke pejabat dalam kalangan Perkhidmatan Awam dengan bertujuan untuk mengetahui keberkesanan setiap sistem dan isu-isu berkaitan dan ianya sebagai langkah bersepada di dalam menemukan sistem yang lebih 'reliable' dari segi pengawasan dan analisa permasalahan untuk penyelesaian.

Dengan lebih proaktif Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga akan kerjasama dengan kementerian-kementerian untuk memudahkan usaha bagi meningkatkan kesedaran mengenai kedadangan. JPA juga akan mengkaji semula bahagian kedadangan dalam sistem penilaian prestasi yang ada supaya penilaian kedadangan individu mempunyai perincian yang melebihi peratus kedadangan untuk langkah-langkah insentif dan sebaliknya.

Selain dari itu, ianya juga akan menemukan kaedah yang bersesuaian bagi memantau dan melapor amalan meninggalkan pejabat untuk rehat minum pada masa waktu bekerja serta tatacara bagi melaporkan ketidak hadiran supaya tindakan-tindakan pada semua peringkat akan dapat dibuat dengan cepat pada waktunya, di samping bekerjasama institut dengan Perkhidmatan Awam akan memperkesan kursus induksi dengan penekanan kepada peraturan-peraturan utama seperti kedadangan bagi pegawai dan kaitan baru.

Ini antara perkara yang ditegaskan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned ketika merasmikan Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EPPMO) Ke-11, baru-baru ini.

Di dalam keadaan Perkhidmatan Awam, perkara wajib yang kita hadapi seperti kedadangan ini, adalah penting kita lebih bersifat pragmatik, untuk tidak tertinggal di dalam usa-usaha pergerakan produktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan efisiensi, keberkesanan, kebertanggungjawab, penjimatkan kos, ketelusan dan kecepatan.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kebimbangan baginda bagi peluang keberhasilan usaha kita memperbaiki pengurusan dan keberhasilan kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam jika kita tidak serius dengan perkara-perkara asasi seperti kedadangan.

Kesedaran ini perlu dipupuk oleh semua peringkat pengurusan dan kepimpinan kerana masa dan kedadangan adalah segalanya sebagai perkara utama. Selagi kita tidak mempunyai masalah ini akan terurus sendirinya.

Sebab itu, pada perhitungan yang betul, masa adalah satu titik tolak utama dalam memikirkan peningkatan produktiviti negara dan lain-lain kemajuan. Semuanya, mesti dilaksanakan dengan cepat dan dibuat pada waktunya. Kecepatan bertindak pada waktunya adalah antara ciri utama untuk berjaya. Kecepatan membuat perubahan, pembaharuan dan pembelaan adalah amalan negara yang berjaya. - Pengarang.

Perhimpunan 'mercu tanda' capai Dasar Belia Negara

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Jun. - Perhimpunan Belia Kebangsaan yang akan diadakan nanti adalah sebagai *mercu tanda* untuk mencapai Dasar Belia Negara (DBN) ke arah mewujudkan belia Brunei cemerlang dan seterusnya mencapai Wawasan 2035.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan perkara tersebut pada Sesi Dialog Yang Berhormat bersama Delegasi Negara Brunei Darussalam ke Himpunan Jutaan Belia-Putrajaya, Malaysia 2012 dan Persatuan-persatuan Belia berlangsung di Dewan Digadong, Ibu Pejabat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Pada sesi tersebut, Yang Berhormat juga menegaskan bahawa suara belia, sumbangan belia dan pengorbanan para belia ke arah pembangunan negara adalah sangat penting.

Menurut Yang Berhormat, adalah menjadi matlamat negara untuk melibatkan golongan belia di dalam kerja-kerja kesukarelawan dalam bentuk kenegaraan, kemasyarakatan, kebajikan dan kemanusiaan.

Melalui perhimpunan belia pada peringkat nasional itu nanti jelas Yang Berhormat, sudah setentunya akan melibatkan banyak tenaga-tenaga sukarelawan belia yang mana secara tidak langsung memberikan peluang kepada mereka untuk menambah pengalaman dan kemahiran yang berharga.

"Sumbangan sukarelawan dan semua pihak yang terlibat itu nanti adalah juga sebagai tanda terima kasih kita semua kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keprihatinan baginda terhadap kebajikan rakyat dan pembangunan belia di negara ini," tambahnya.

Penglibatan belia-belia di dalam perancangan dan pelaksanaan perhimpunan itu nanti ujarnya, akan memberikan peluang kepada mereka untuk lebih kreatif dan inovatif terutamanya dalam usaha untuk menjayakan lagi perhimpunan itu nanti.

Yang Berhormat berharap se si perjumpaan itu akan dapat membincangkan mengenai kegiatan-kegiatan belia yang dapat mengangkat imej negara dan memacu pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam lebih berwawasan dan berdaya saing.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, sebagai kepimpinan golongan belia di Negara Brunei Darussalam, persatuan-persatuan belia perlu memberikan kepimpinan yang progresif dan dinamik dalam menggerakkan dan melibatkan kaum belia di negara ini agar bergiat aktif untuk membangun diri mereka sendiri, masyarakat, bangsa dan negara.

Bagi mencapai matlamat ini jelasnya, pemimpin-pemimpin belia perlu melihat kepada daya dan corak kepimpinan persatuan-persatuan belia dengan corak kepimpinan yang berdaya tahan, kreatif dan inovatif dan berintegriti bagi memenuhi keperluan untuk memimpin belia-belia pada mendukung konsep Negara Melayu Islam Beraja dan matlamat Wawasan Negara 2035, termasuk pandai menanai matlamat untuk melahirkan Negara Zikir.

Sehubungan dengan ini tambahnya, persatuan-persatuan belia perlu memikirkan tentang bagaimana untuk menggerakkan persatuan-persatuan dan ahli-ahli yang dipimpin dengan kegiatan dan program berte rusan yang mempunyai impak yang besar dan berkesan ke arah membangun kepimpinan, penampilan dan penglibatan golongan belia pada membangun masyarakat, bangsa dan negara.

"Sudah sampai masa dan ketikanya bagi persatuan-per

satuan belia untuk melaksanakan program-program pembangunan belia yang merupakan *landmark* pada mengangkat imej dan martabat golongan belia yang berjaya besar secara berkumpulan dan bersatu padu," tegas Yang Berhormat.

Ke arah merealisasikan matlamat ini dan bagi tujuan pengongsian pengalaman tambahnya, Negara Brunei Darussalam telah pun menghantar seramai sebelas perwakilan belia khusus bagi menghadiri Himpunan Jutaan Belia-Putrajaya Malaysia yang diadakan pada 23 hingga 27 Mei 2012 bertempat di Putrajaya, Malaysia bersempena dengan Sambutan Hari Belia Negara Malaysia Bagi Tahun 2012.

Di samping itu ujarnya, negara juga menghantar seramai empat perwakilan bagi menghadiri salah satu atau cara Himpunan Jutaan Belia-Putrajaya Malaysia (The 4th Malaysia International Youth Programme-MIYP) yang diadakan pada 24 hingga 28 Mei 2012 di Kuala Lumpur, Malaysia.

"Harapan agar delegasi yang telah pun dihantar akan dapat membawa balik pengalaman dan dapat-dapat yang dapat membantu menjayakan lagi penganjuran dan pengendalian Sambutan Hari Belia Kebangsaan di negara ini nanti," jelas beliau.

Dalam majlis tersebut, Yang Berhormat menjelaskan tujuannya menjemput persatuan-persatuan belia dari semua daerah pada Majlis Sesi Dialog tersebut iaitu bagi persatuan-persatuan yang lain yang tidak berkesempatan menyertai acara di Himpunan Jutaan Belia-Putrajaya Malaysia untuk dapat sama-sama mendengarkan taklimat daripada delegasi setelah menghadiri perhimpunan berkenaan dan seterusnya untuk sama-sama membincangkan program dan aktiviti yang akan dilaksanakan secara besar-besaran pada Perhimpunan Belia Kebangsaan ke arah menuju Wawasan 2035 iaitu menjadi sebuah negara terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang ber-



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa Sesi Dialog Yang Berhormat bersama Delegasi Negara Brunei Darussalam ke Himpunan Jutaan Belia-Putrajaya, Malaysia 2012 dan Persatuan-persatuan Belia yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

pendidikan dan berkemahiran tinggi, mempunyai kualiti hidup yang tinggi serta mempunyai pendapatan per kapita yang teratas setara dengan sepuh negara teratas dunia.

Di samping itu, menurutnya, ia juga untuk sama-sama berbincang merangkakan projek dan program perhimpunan belia pada peringkat nasional yang lebih mencabar dan berskala besar dan menarik lebih ramai penglibatan belia-belia untuk ikut serta di dalam program atau perhimpunan tersebut.

Beliau seterusnya menjelaskan, Perhimpunan Belia Kebangsaan itu nanti bukan sahaja memberi peluang kepada semua belia yang ada di negara ini untuk memperlihatkan kebolehan masing-masing dalam apa sahaja bidang tetapi juga untuk menyatukan para belia meningkatkan rasa persefahaman dan perpaduan selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Ahli-ahli rombongan terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan ahli-ahli persatuan dan badan-badan belia yang aktif dalam persatuan dan agensi masing-masing dan di dalam pengendalian aktiviti-aktiviti belia di negara ini termasuklah bekas-bekas pelatih Projek Rintis Pertama Program Khidmat Bakti Negara.

Peranan utama delegasi Negara Brunei Darussalam adalah untuk membuat pemerhatian terhadap pelaksanaan dan perjalanan sambutan tersebut mengikut segmen-segmen yang bersesuaian dan membuat laporan serta rekomendasi setelah menghadiri perhimpunan tersebut bagi dicadangkan untuk diperkenalkan ke projek Sambutan Hari Belia Kebangsaan di negara ini nanti.

Di samping itu, ahli-ahli delegasi tersebut juga akan dilibatkan secara langsung di dalam perancangan dan peng-

dalian perhimpunan yang seumpamanya jika diadakan di negara ini nanti seperti Sambutan Hari Belia Kebangsaan berkenaan.

Sesi dialog dihadiri oleh kira-kira seratus belia, turut mempertengok taklimat daripada Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam ke Himpunan Jutaan Belia, Putrajaya, Malaysia, Awang Mohamed Nasir bin Haji Pungut dan Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam ke The 4th MIYP, Dayang Roszainah binti Haji Rosman.

Turut hadir pada sesi dialog tersebut ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim dan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud serta pegawai-pegawai kanan KKBS dan JBS.

Dari muka 2

Pada waktu yang sama kita tidak akan lalai mengenai perkara utama dan wajib seperti kedatangan.

Di dalam hal ini, JPA, Jabatan Perdana Menteri sesuai dengan peranan dan tanggungjawabnya menyediakan beberapa langkah untuk membantu meningkatkan kesedaran dan penanganan kedatangan di dalam Perkhidmatan Awam.

Pertama, JPA akan menyediakan laporan mengenai sistem-sistem kedatangan yang digunakan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Tujuan utama laporan ini ialah untuk mengetahui keberkesanan setiap sistem dan isu-isu berkaitan. Maklumat ini akan digunakan untuk langkah-langkah bersepada di dalam menemukan sistem yang lebih *reliable* dari segi pengawasan dan analisa permasalahan untuk penyelesaian. Penyediaan laporan ini akan mengerak kempen berterusan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kedatangan.

Kedua, JPA akan lebih proaktif di dalam kerjasama dengan kemen-

Tangani isu datang kerja secara komited

terian-kementerian untuk memudahkan usaha-usaha bagi meningkatkan kesedaran mengenai kedatangan.

Ketiga, JPA akan merebu bahagian kedatangan di dalam sistem penilaian prestasi yang ada supaya penilaian kedatangan individu mempunyai perincian yang melebihi peratus kedatangan semata-mata untuk langkah-langkah insentif dan sebaliknya.

Keempat, JPA akan menemukan kaedah yang bersesuaian di dalam memantau dan melapor mengenai isu-isu yang berkaitan dengan amalan meninggalkan pejabat untuk rehat minum di masa waktu bekerja.

Kelima, JPA akan merebu tatacara bagi melaporkan ketidakhadiran supaya tindakan-tindakan di semua peringkat akan dapat dibuat dengan cepat pada waktunya.

Keenam, JPA dengan kerjasama Institut Perkhidmatan Awam akan memperkesan kursus induksi bagi pegawai dan kakitangan baru dengan

penekanan kepada peraturan-peraturan utama seperti kedatangan.

Betapa kedatangan itu perkara biasa bagi pengurusan, tetapi di dalam konteks Perkhidmatan Awam kita, betapa ianya menimbulkan kesulitan untuk diurus.

Sebagai pengetahuan umum kita mengetahui mengenai komitmen menghantar dan mengambil balik anak-anak sekolah dan kesesakan jalan raya sebagai sebab-sebab utama menyebabkan pekerja lewat ke pejabat dan awal meninggalkan pejabat.

Ini adalah satu kenyataan untuk diurus supaya ianya tidak dijadikan alasan semata-mata sehingga menjadi budaya dan hilang rasa tanggungjawab terhadap tugas di pejabat.

Di dalam hal ini pengurusan pragmatik adalah salah satu penyelesaian yang diharapkan. Ianya tetap mencabar dalam mana kepintaran pengurusan sangat-sangat diperlukan. Salah satu pendekatan ialah untuk melihat arah aliran atau trend

kedatangan dan membacanya bersama dengan prestasi kerja. Ini adalah untuk menggalakkan arah aliran cenderung kepada kebertanggungjawaban dan pada waktu yang sama untuk mengenal pasti orang-orang yang benar-benar tidak bertanggungjawab.

Pengurusan yang kuat dan bersepada sangat-sangat diperlukan di dalam menangani hal seperti ini. Tidak syak kewibawaan dan peranan strategik pengurusan-pengurusan di peringkat pertengahan adalah faktor penting untuk memberi kelainan.

Saya melihat lebih jauh ke hadapan mengenai masa hadapan Perkhidmatan Awam kita di dalam pembangunan yang kian mencabar. Harapan masa hadapan kita ialah di tangan anak-anak muda yang berkualiti, berdaya saing dan lebih bertanggungjawab. Satu-satunya pegawai-pegawai muda kita perlu mempersiapkan keupayaan mereka untuk mengurus dan memimpin dengan penuh berintegriti. sebagai *civil servants* kita banyak dinilai oleh orang ramai kerana isu

integrasi banyak membawa kejatuhan kepada pegawai-pegawai yang berkebolehan. Ini adalah satu kerugian yang perlu dielakkan.

Mengenai dengan kewibawaan ini, kita tidak boleh mudah lupa daratan. Kita perlu mengingati tentang nilai-nilai kita di bawah konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai pegangan dan sempadan jati diri kita orang-orang Brunei.

Pada akhirnya, saya gembira Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kali Ke-11 dapat berjalan pada tahun ini. Pegawai-pegawai yang dipilih untuk program ini perlu menggunakan sebagai satu lagi peluang bagi pembangunan diri.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan mendahului kalimat *Bismillahir Rahim* perama/saya melancarkan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kerajaan Bagi Kali Ke-11, tahun 2012.

Memperkasa kepimpinan sekolah tangani perubahan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni semasa berucap. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Oleh :
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Jun. - Memperkasa kepimpinan sekolah bagi menangani perubahan fungsi dan peranan yang semakin kompleks ialah dengan menyediakan pemimpin sekolah yang berkesan, mendukung profesion kepimpinan sekolah, memastikan kualiti dan pencapaian.

Memperkasa kecermerlangan sekolah juga ialah dengan menetapkan hala tuju yang difahami oleh semua, tahap ekspektasi yang tinggi, penggunaan maklumat untuk memantau perkembangan dan prestasi, di samping memastikan semua pihak berada dalam satu landasan yang sama menuju matlamat yang sama serta menjadi *instructional leadership* iaitu memfokuskan kepada pemberian amalan-amalan dalam bilik darjah atau pengajaran dan pembelajaran.

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni menyatakan perkara itu semasa menyampaikan Kertas Kerja bertajuk 'Kepimpinan Sekolah Mendukung Wawasan Negara 2035' Bagi Kongres Pemimpin-Pemimpin Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Menurutnya, memperkasa kecermerlangan sekolah juga termasuk *transformational leadership* iaitu perhatian kepada keadaan sekolah dan bilik darjah yang lebih luas serta membentuk semula organisasi, di samping membuat keputusan berdasarkan maklumat serta membentuk dan melaksanakan strategi atau pelan pemberian sekolah.

Beliau menjelaskan, kepimpinan merupakan satu proses menggerakkan sekumpulan manusia menuju kepada suatu yang telah ditetapkan melalui dorongan yang tidak memaksa.

Jelasnya, kepimpinan yang baik mengerakkan manusia untuk memenuhi kehendak jangka panjang bagi kepentingan yang terbaik bagi semua.

Terdahulu Awang Haji Mahrub menyatakan, dalam Wawasan Negara 2035, Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, mempunyai kualiti hidup yang tinggi serta mempunyai pendapatan per kapita yang teratas setara dengan sepuluh negara teratas dunia.

Katanya, Negara Brunei Darussalam akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sumber manusia yang berilmu, mahir dan bertamadun tinggi dan dalam masa yang sama akan dikenali sebagai sebuah negara yang rakyatnya menikmati kualiti hidup yang tinggi dan menikmati pendapatan per kapita yang teratas.

Untuk mencapai Wawasan Negara 2035 jelasnya, lapan strategi utama dikenal pasti untuk memastikan semua aspek pembangunan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan iaitu Strategi Pendidikan, Strategi Ekonomi, Strategi Keselamatan, Strategi Pembangunan Institusi, Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan, Strategi Pembangunan Infrastruktur, Strategi Jaminan Sosial dan Strategi Alam Sekitar.

"Antara usaha-usaha Kementerian Pendidikan mendukung Wawasan Negara 2035 ialah Pelan Strategik 2007-2011 yang mana pelan ini menentukan hala tuju Kementerian Pendidikan bagi lima tahun lalu dan menetapkan empat fokus utama iaitu 'Teaching and Learning Excellence', 'Quality Education', 'Professional and Accountable Organisation' dan 'Efficient Organisation', ujarnya.

Beliau menambah, pelaksanaan SPN21 membawa tiga perubahan utama iaitu struktur sistem pendidikan, kurikulum yang seimbang yang memberikan keutamaan kepada *penilaian pembelajaran* dan pendidikan teknikal selaras dengan keperluan abad ke-21.

Manakala Pelan Strategik 2012 - 2017 pula, jelasnya, menentukan hala tuju Kementerian Pendidikan bagi lima tahun akan datang dan menetapkan tiga fokus utama iaitu 'Teaching and Learning Excellence', 'Professionalism and Accountability' dan 'Efficiency and Innovativeness'.

Anggapan kelulusan sekolah Arab susah dapat kerja mengelirukan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Rabu, 6 Jun. - Anggapan serong daripada masyarakat yang mengatakan bahawa pelajar-pelajar yang berkelulusan sekolah Arab susah untuk mendapat pekerjaan adalah salah dan sangat mengelirukan masyarakat.

Ia perlu dibanteras kerana kenyataan itu adalah terlalu dangkal dan tidak berasas sama sekali.

Setakat ini tidak ada satu statistik dalam dan luar negara kita ini yang membuktikan bahawa pelajar-pelajar yang berkelulusan dari sekolah Arab tidak boleh memperolehi pekerjaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof menekankan perkara tersebut ketika berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan bagi pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) Sesi 2010-2011 berlangsung di Pusat Persidangan Pertahanan Antarabangsa BRIDEX, di sini.

Beliau menjelaskan, sebaliknya ramai antara mereka telah lulus dan kini memegang jawatan-jawatan tinggi di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dan juga swasta.

Malah sumbangan mereka itu, katanya, boleh dibanggakan dan dianggap lebih tinggi nilainya di sisi masyarakat dan agama kerana insya-Allah mereka membuat sesuatu pekerjaan bukan hanya berdasarkan pengetahuan dan pengalaman kerja mereka sahaja tetapi pekerjaan yang mereka lakukan sentiasa berlandaskan ajaran agama dan etika keislaman.

"Insya-Allah berkat pengetahuan dan ajaran agama Islam yang mereka warisi sejak peringkat rendah persekolahan lagi tidak mustahil suatu hari mereka mampu melahirkan *baldatun thayyibatun warabbun ghafur* iaitu negara yang aman makmur dan sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'alá sebagaimana yang sering kita laung-laungkan dan harap-harapkan selama ini," katanya.

Beliau juga menyentuh mengenai kejayaan anak-anak yang sebenarnya bermula daripada keikhlasan dan doa ibu bapa serta guru yang mengajarkan ilmu pengetahuan kepada mereka tanpa mengira penat lelah serta sanggup mengeluarkan atau mengorbankan masa dan kewangan yang banyak.

Tambahnya, selain itu doa dan dorongan ibu bapa dan penjaga telah memberikan semangat kepada anak-anak untuk membuktikan kebolehan dan kemampuan ma-

sing-masing dalam bidang pelajaran.

"Atas segala doa, usaha, pengorbanan dan keikhlasan mereka itu anak-anak wajib menghormati mereka dan mendoakan mereka supaya sentiasa sihat, kuat, bersemanang dan sentiasa dilindungi oleh Allah sehingga terus diberikan kekuatan tenaga dan fikiran serta dapat lagi melahirkan cendekiawan Islam yang berkualiti demi kebaikan bangsa, agama dan negara," ujarnya.

Beliau juga menjelaskan mengenai penganugerahan biasiswa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada dalam negara maupun di luar negara.

Jelasnya, pelbagai jenis biasiswa ditawarkan setiap tahun untuk anak-anak tempatan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sehingga mencapai ke peringkat pakar.

Oleh kerana itulah saranannya, anak-anak seharusnya merebut peluang dan mencari kesempatan untuk mendapatkan biasiswa itu, kerana peluang tersebut hanya ditawarkan kepada anak-anak tempatan yang berkelayakan sahaja seperti para pelajar SMALHB.

Sementara itu Pemangku Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Nora'in binti Haji Abu

Bakar selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-aluan menjelaskan, seramai 149 pelajar menerima Sijil STPUB Sesi 2010-2011 pada tahun ini.

Jelasnya, seramai 45 pelajar mendapat keputusan pangkat cemerlang (mumtaz), 41 pelajar mendapat pangkat sangat baik (Jiddan), 42 pelajar mendapat pangkat baik (Jaid) dan sebelas pelajar mendapat lulus (Maqbul) serta sepuluh pelajar lagi berjaya dalam Peperiksaan BCGCE 'A' Level iaitu memegang satu sijil dan 17 pelajar yang lain pula memegang dua sijil.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil kepada para penerima dan hadiah bagi para pelajar terbaik dari segi kegiatan, akademik dan pelajar mithali.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

APT JSO cungkil bakat muda dalam bidang sains, teknologi



SIDANG Media dipengerusikan oleh Dayang Aurelia Escoto-Kemp, selaku Penyelaras Bersama APT-JSO 2012. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas (UPK) amat proaktif dalam mengenal pasti mentor dan menghantar pelajar berbakat untuk mewakili Negara Brunei Darussalam menyertai program antarabangsa.

Ia selaras dengan Wawasan Negara Brunei Darussalam atau Wawasan 2035 yang bertujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang akan diiktiraf dengan meluas untuk pencapaian rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi seperti yang diukur oleh piawai antarabangsa tertinggi.

Penyelaras Perkhidmatan Pendidikan Berbakat, Aurelia Escoto-Kemp yang juga selaku Penyelaras Bersama ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey (APT JSO) menyatakan perkara itu pada Sidang Media mengenai APT JSO 2012 berlangsung di Bangunan UPK, di sini.

Menurutnya, Negara Brunei Darussalam dicalonkan menjadi tuan rumah pertama APT JSO dan menganjurkannya bersama Pusat ASEAN+3 bagi yang berbakat dalam Sains (ASEAN+3 Centre for the Gifted in Science-ACGS).

Katanya, ACGS pada masa ini bekerjasama dengan UPK, Kementerian Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kementerian Pembangunan.

APT JSO tambah beliau, dihasilkan akan menjadi versi Asia Olimpiad Antarakta dalam Biologi, Fizik dan Kimia meenjadikan Negara ASEAN+3 sekali gus menjadi olimpik pertama khusus untuk pelajar-pelajar Sains berbakat.

Para penuntut yang mengambil bahagian akan menghadiri ceramah-ceramah khas, bersaing dalam kemahiran makmal penilaian dan projek lapangan

serta menjalankan persembahan pasukan selain berpeluang berinteraksi dan membentuk ikatan yang kuat antara satu sama lain.

Semasa mesyuarat perundingan pertama APT JSO yang diadakan di Jeju, Korea pada 15 November 2010, Negara Brunei Darussalam dicalonkan sebagai tuan rumah dan ini kemudian telah diluluskan pada 6th Informal ASEAN Ministerial Meeting mengenai Sains dan Teknologi (IAMMST) bertempat di Krabi, Thailand pada 17 Disember 2010.

APT JSO merupakan satu pertandingan tahunan pendidikan dalam bidang Sains dan Teknologi bagi pelajar muda berbakat yang berusia antara 13 hingga 15 tahun dalam rantaun ASEAN+3 yang direka khusus untuk membangunkan bakat individu muda dalam bidang Sains dan Teknologi serta memupuk ahli-ahli sains dan jurutera masa depan dalam rantaun ASEAN+3.

Acara turut diselanjurkan dengan Majlis Penyerahan tajaan daripada wakil-wakil penaja dan rakan kongsi kepada Pemangku Ketua UPK dan Pengurus Bersama Jawatankuasa Pengangur untuk APT JSO, Dayang Hajah Haidah binti Hamdan.

Antara penaja dan rakan kongsi APT JSO ialah Takaful Brunei Am Sendirian Berhad, Brunei Shell Petroleum, The Empire Hotel and Country Club, Sunlit Advertising, Brunei Tourism, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, DST Communications, Alimen Enterprise, Mashor Group of Companies, Rafi Rahman Enterprise dan T.L.T Enterprise 'SUCI Brand Water'.

Kontrak kajian Sistem Pengangkutan Darat ditandatangani



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir menyaksikan penandatanganan kontrak bertajuk 'Review to Formulate a Roadmap and Draft Masterplan for a Sustainable Land Transportation System'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (CSPS) bersama Pusat Perunding SQW China sebuah konsortium

yang berpangkalan di United Kingdom menandatangani kontrak memulakan satu kajian bertajuk 'Review to Formulate a Roadmap and Draft Masterplan



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah, hadir selaku tetamu kehormat pada seminar tersebut. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Pembangunan yang perlu dikehendaki adalah yang menjana dan menyumbang kepada kualiti hidup, keharmonian ekonomi dan alam sekitar yang berkualiti.

Ini adalah penting melalui penyertaan dan kerjasama semua peringkat termasuk pihak perseorangan, institusi dan organisasi dalam berusaha mencapai pembangunan.

"Kita sudah sedia maklum

for a Sustainable Land Transportation System'.

Hadir menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Menandatangani perjanjian kontrak bagi pihak Pusat Pengajian Strategik ialah Pengarah Eksekutif, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman, manakala SQW China diwakili oleh Pengarah Urusannya, Encik Gary Ho, berlangsung di CSPS, di sini.

Sementara itu, Pengurus CSPS, Dato Paduka Awang Haji Roselan bin Haji Daud dalam ucapannya menyatakan bahawa penggubalan Sistem Pengangkutan Darat nasional yang berdaya maju dan mampu adalah laluan yang sangat penting ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, selaras

dengan strategi pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi, pendidikan, pembangunan perniagaan kecil dan pengukuhan institusi.

Beliau menekankan, pihak berkepentingan utama kajian ini iaitu Kementerian Perhubungan dan Kementerian Pembangunan memainkan peranan penting dalam merangka objektif-objektif kajian, yang mana sebilangan besar masyarakat seperti sekolah-sekolah, perniagaan-perniagaan, para ibu bapa dan para belia juga akan terlibat dalam pengajian tersebut.

Manakala Ketua Penyelidik CSPS, Dr. Diana Cheong dalam taklimatnya menyatakan bahawa hasil yang diharapkan daripada kajian ini adalah strategi pengangkutan darat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Beliau menambah, tumpuan khas juga diberikan kepada sosialisasi dan kesedaran,

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

inisiatif-inisiatif keselamatan dan teknologi baru yang mampan.

"Pelan pelaksanaan adalah lebih praktikal, dengan mengambil kira keperluan

kewangan, infrastruktur, institusi dan keperluan-keperluan pentadbiran untuk penghantaran dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang," jelasnya.



PENGARAH Urusan SQW China Gary Ho semasa menandatangani kontrak memulakan satu kajian bertajuk 'Review to Formulate a Roadmap and Draft Masterplan for a Sustainable Land Transportation System'.

Pembangunan perlu jana kualiti hidup

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

bahawa sumber alam sekitar yang kita miliki termasuklah sumber tanah, air dan udara adalah terhad dan kita perlukan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan keharmonian ekonomi negara," tegasnya.

Katanya, kita perlu memastikan sumber alam sekitar ini bebas daripada ancaman dan risiko pencemaran serta kerosakan dan kita juga memerlukan bekalan air yang mencukupi dan bersih bagi memenuhi keperluan sosio-ekonomi harian kita, ke arah itu kita memerlukan tanah yang dapat memenuhi keperluan perumahan industri, pertanian dan prasarana negara.

"Menyedari akan kepentingan nilai dan sumbangan alam

sekitar dalam pembangunan negara, kita perlu mengambil langkah untuk memastikan sumber yang bernilai ini digunakan dengan sebaik mungkin, tidak tercemar, tidak dirosakkan dan digunakan secara optimal," jelasnya.

Menurutnya, kaedah yang dapat digunakan bagi mencapai hasrat ini adalah 'Penilaian Impak Alam Sekitar' (Environmental Impact Assessment - EIA) yang merupakan satu proses atau tool bagi mengenal pasti dan menilai kesan projek atau aktiviti terhadap alam sekitar bahkan ia juga akan dapat digunakan untuk membentuk langkah pencegahan, pemantauan dan pemeliharaan bagi menangani ancaman dan

risiko pencemaran.

Sehubungan itu, ujarnya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) sedang giat membuat persiapan untuk memperkenalkan secara mandatori keperluan untuk menyediakan EIA bagi projek dan aktiviti yang boleh menimbulkan kesan pencemaran terhadap alam sekitar dan ini termasuk penyediaan garis panduan serta undang-undang bagi penguatkuasaan EIA.

Garis panduan dan undang-undang ini bila dikuatkuasaan, tambah beliau, akan memerlukan semua pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta dan persendirian menyediakan EIA sebelum projek dan kegiatan dilaksanakan.

Beliau juga menyentuh

mengenai tema Hari Alam Sekitar pada tahun ini iaitu 'Green Economy: Does It Include You?' antara lain mengemukakan persoalan mengenai penglibatan, penyertaan dan tanggungjawab kita baik sebagai individu atau institusi atau organisasi dalam mencapai pembangunan ekonomi yang mesra alam.

Majlis diteruskan dengan satu seminar bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2012 yang diraikan pada setiap 5 Jun di seluruh dunia disertai oleh pegawai - pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta konsultan-konsultan yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pengendalian projek yang memerlukan penilaian impak terhadap alam sekitar.

BKB 2011 berjumlah BND8,030,065

Oleh : Dk. Vivy Melessa Pg. Ibrahim,
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) mengikut daerah dari-pada tahun 2008 hingga April 2012 mencatatkan jumlah keseluruhan seramai 4,069 orang, manakala statistik penerima baru BKB mengikut daerah daripada tahun 2007 hingga April 2012 seramai 533 orang.

Sementara itu, jumlah peruntukan bagi penerima BKB pada tahun 2008 adalah sebanyak BND9,559,615, (2009 - BND9,756,965), (2010 - BND8,789,180), (2011 - BND8,030,065), manakala sehingga April 2012

sebanyak BND805,075.

Timbalan Pengawal Pencen-Pencen, Dayang Rostinah binti POKSSP Dato Paduka Haji Mohd. Tahir dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perkara itu semasa menyampaikan taklimat mengenai Bahagian Perkhidmatan Kebajikan Am dan Pencen - Pencen kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), para penghulu dan Ketua Kampung dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, berlangsung di Bangunan MMN.

Dayang Rostinah menjelas-

kan, BKB yang terkandung di bawah Organisasi Perkhidmatan Bantuan Kebajikan Am merupakan bantuan sementara bertujuan untuk meringankan bebanan dan sebagai token, bukannya untuk memenuhi keseluruhan keperluan penerima.

Antara yang benar-benar layak untuk menerima BKB, jelas beliau, adalah janda atau bali yang kurang mampu dan berpenghidupan susah, isteri/anak apabila suami/ayah ditahan di Pusat Tahanan/Pemulihan, anak yatim/piatu yang berpenghidupan susah, orang susah dan daif, uzur dan disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan tidak boleh bekerja, orang kurang upaya yang berkehidupan susah, wanita tunggal yang lanjut usia

tiada berpendapatan dan sebatang kara.

Menurutnya, pengurangan atau pemberhentian BKB dibuat jika didapati penerima/tanggungan itu meninggal dunia, bekerja atau menerima pendapatan yang difikirkan boleh membantu keluarga, berkahwin, menerima pencesteran umur tua, menerima agihan zakat daripada Majlis Ugama Islam Brunei, berhenti/tidak bersekolah, menerima pencesteran turunan dan lain-lain pencesteran, menerima eluan kerajaan/bantuan daripada agensi yang lain serta lain-lain perkara yang berkaitan yang boleh merubah kehidupan penerima.

Beliau juga menyentuh mengenai sejarah penubuhan perkhidmatan kebajikan yang

FINAH BINTI POKSSP DATO PADUKA HAJI MOHD TAHIR

Timbalan Pengawal Pencen-Pencen

15 Rajab 1433 / 05 Jun 2012



TAKLIMAT sesi pertama yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Pembangunan Masyarakat. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

ditubuhkan pada 1 Julai 1954 di bawah Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan dan dinaikkan taraf ke JAPEM pada Julai 2002.

"Visi penubuhannya ialah 'Ke Arah Masyarakat Penya-

yang, Berdikari dan Tahan Lasak' dan misinya adalah 'Meningkatkan Keupayaan Masyarakat Bagi Menghadapi Cabaran, Perubahan Sosio-Ekonomi, Semasa dan Akan Datang', jelasnya.

PPK mantapkan kepimpinan bagi 200 peserta

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Program Pembangunan Kepimpinan (PPK) bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Seluruh Negara 2012 merupakan salah satu inisiatif, langkah dan usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dalam meningkatkan tahap kepimpinan para penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang melalui beberapa siri program, ceramah motivasi, kursus, latihan dan bengkel yang akan dikendalikan sepanjang tahun 2012 dan seterusnya.

Program tersebut bertujuan bagi memberikan kefahaman, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memantapkan dan mengukuhkan lagi tahap kepimpinan dan kredibiliti para penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin-pemimpin akar umbi, di samping memastikan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan akan dilaksanakan dengan sempurna, teratur, berkesan dan seterusnya menepati ekspektasi anak buah mukim dan kampung di bawah pengawasan dan pentadbiran mereka.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Saerah Haji Abdul Ghani**

Hadir memberikan ucaptama dan merasmikan program siri pertama itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji

“ PROGRAM tersebut bertujuan bagi memberikan kefahaman, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memantapkan dan mengukuhkan lagi tahap kepimpinan dan kredibiliti para penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin-pemimpin akar umbi. ”



SESI penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Takaful Brunei Am Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Pemangku Pengarah Urusannya, Dayang Hajah Fa'aizah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Unit Pendidikan Khas (UPK) dari Kementerian Pendidikan diwakili oleh Pemangku Ketua UPK, Dayang Hajah Haidah binti Hamdan yang disaksikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayangku Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin. - Foto : Azmah Haji Ahad.

MoU Penyelarasan Bersama APT JSO ditandatangi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Takaful Brunei Am Sendirian Berhad dan Unit Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menyelaras bersama ASEAN Plus Three-Junior Science Odyssey (APT JSO).

Menandatangani mewakili Takaful Brunei Am Sendirian Berhad ialah Pemangku Pengarah Urusannya, Dayang Hajah Fa'aizah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin, manakala Unit Pendidikan Khas diwakili oleh Pemangku Ketua Unitnya, Dayang Hajah Haidah binti Hamdan.

Hadir menyaksikan penandatanganan yang berlangsung di Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan itu ialah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayangku Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin.

Terdahulu, Penyelaras Bersama APT JSO, Dr. Hajah Huraini binti POKSJDP Haji Hurairah menjelaskan, Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah APT-JSO buat kali pertama.

Tambahnya, APT-JSO merupakan acara khusus bagi pelajar-pelajar pintar pada peringkat menengah yang berumur antara 13-15 tahun yang akan bersaing dalam aktiviti-aktiviti sains untuk mendapatkan pingat-pingat, tropi dan gelaran best country team.

APT-JSO tambahnya turut memberikan peluang kepada

pelajar yang pintar untuk mendalami lagi pembelajaran sains.

Beliau menjelaskan, antara acara yang dirancang termasuk 'Lab Skill Assesment' bagi Physics, Chemistry selain Biology Field Project di An-dulau dan Bukit Sawat.

Sejumlah 90 peserta terdiri daripada guru-guru dan pelajar-pelajar dari sepuluh negara ASEAN Plus Three akan menyertainya, termasuk Sweden selaku negara pemerhati.

Majlis penandatanganan juga diselanjurkan dengan penyampaian baju, topi, beg, pen dan insurans bagi peserta tempatan yang akan menyertai APT-JSO tersebut.

Othman.

Majlis perasmian program siri pertama iaitu 'Seminar Memudahcara Proses Permohonan dan Kelulusan Bantuan Kepada Agensi-agensi Berkenaan' selama dua hari berlangsung di Banquet Hall, Bangunan Majlis Mesyuarat Negara.

Terdahulu daripada itu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengurus Seminar dalam ucap-alu-aluannya menjelaskan seramai 200 peserta menghadiri seminar tersebut.

Seminar diungkayahkan dengan kerjasama beberapa agensi antaranya Kementerian Pendidikan; Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Majlis Ugama Islam Brunei, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU) dan Yayasan Sultan Hajji Hassanal Bolkiah.

Seminar berbentuk ceramah, taklimat, dan soal jawab itu akan memfokuskan kepada tatacara pemberian proses-proses permohonan dengan cara yang lebih mudah.

Perkara-perkara yang dibincangkan juga akan dirumuskan di akhir seminar.

Di samping itu, para peserta juga akan berpeluang mengikuti ceramah motivasi yang akan disampaikan oleh pegawai dari KHEU bertempat di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong dimulai dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu mukim dan ketua kampung, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Pegangku



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan ucapan alu-aluan. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Peserta Kursus MIB menerima sijil

Oleh : Khartini Hamir

RIMBA, Selasa, 5 Jun. - Seramai 15 pegawai Perhubungan Awam dan pegawai dalam Skim Pentadbiran Brunei dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang menamatkan Kursus Melayu Islam Beraja (MIB) pada bulan Mei 2012 menerima sijil masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil kepada para peserta pada majlis yang berlangsung di Dewan Penglibatan, Institut Perkhidmatan Awam itu ialah Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah.

Kursus tersebut bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam dan meluas mengenai konsep MIB dalam

meningkatkan kesedaran tentang warisan kebangsaan dan menghayatinya dalam konteks moden dan global.

Di samping itu, melalui modul kursus tersebut para peserta yang bertindak selaku jurucakap rasmi bagi kementerian/jabatan kerajaan diharapkan dapat menjelaskan lagi secara mendalam tentang MIB selain mengenal pasti, mengamalkan dan menghayati norma-norma serta nilai-nilai MIB dalam menjalankan tugas dan kehidupan sehari-hari.

Para pegawai berkewajipan juga diharapkan dapat memuhasabah diri agar sentiasa bertindak dan bertingkah laku selaras dengan MIB.



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang menamatkan Kursus Melayu Islam Beraja (MIB) bagi pegawai perhubungan awam dan pegawai dalam Skim Pentadbiran Brunei dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Respons positif terhadap teguran disambut baik

Perkhidmatan sempurna perlu tenaga mahir

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Haji Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor menjelaskan, Kementerian Kesihatan sedang giat meningkatkan kepelbagaian perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang diberikan, walaupun bagaimanapun penambahan perkhidmatan tidak akan sempurna tanpa sumber tenaga manusia berkemahiran yang mencukupi.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan menjelaskan perkara tersebut ketika merasmikan pembukaan Kursus Orientasi dan Induksi kepada seramai 35 pegawai tempatan yang baru berkhidmat dan sudah berkhidmat tidak lebih dari tiga tahun di Kementerian Kesihatan bagi tahun 2012.

Kursus tersebut mengambil tempat di Pusat Promosi Kesihatan, Jalan Commonwealth Drive, Berakas, di sini.

"Kehadiran abiskita sebagai warga kementerian ini telah menambahkan lagi bilangan pegawai yang berkelebihan dan berkemahiran yang amat diperlukan bagi pembangunan dan kemajuan negara khususnya dalam

bidang kesihatan," tambahnya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan, selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-alunya berharap melalui kursus yang diberikan itu akan dapat membuka ruang kepada pegawai-pegawai baru untuk mengenali antara satu sama lain serta menyemat semangat untuk berkhidmat dengan cemerlang dan bersungguh-sungguh tidak kira sama ada bertugas sebagai pegawai perubatan atau pegawai dukungan.

Kursus Orientasi ini diselaraskan oleh Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan yang dijadualkan sebagai program tahunan.

Kursus 16 hari bermula 5 Jun hingga 20 Jun 2012 itu antara lain bertujuan untuk memperkenalkan dasar-dasar dan falsafah negara, di samping misi dan visi, matlamat kementerian berkenaan, selain menerangkan peraturan-peraturan kerja dan perkhidmatan, kemudahan-kemudahan perkhidmatan serta tugas dan tanggungjawab graduan.

Dalam usaha memperbaiki kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada orang ramai tambahnya, kementerian berkenaan sedar bahawa ia perlu bermula daripada anggota kesihatan itu sendiri.

"Oleh itu, sikap dan budaya positif perlu disemai dan diterapkan sejak dari mula abiskita berkhidmat," ujarnya.

Awang Haji Saifulbahri seterusnya menyeru kepada para pegawai baru untuk sama-sama berusaha memperbaiki kualiti penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan, di samping menepis tanggapan negatif terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Manakala dalam aspek rawatan jelasnya, para pegawai barisan hadapan khususnya yang bertugas di hospital-hospital dan klinik-klinik adalah diingatkan untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan jangkitan seperti *infection control practices* yang disarankan.

"Langkah-langkah sebegini adalah untuk memastikan keupayaan abiskita untuk memberikan perkhidmatan tidak terjejas," tegasnya.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyambut baik sikap penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang telah menerima dan merespons secara positif teguran yang dibuat ke atas sebahagian daripada mereka.

baginda.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai peruntukan bantuan kerajaan yang disalurkan melalui Kementerian Pendidikan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut dari keluarga yang memerlukan.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, terdapat juga badan-badan sosial NGO, syarikat-syarikat swasta dan individu-individu yang murah hati.

"Jadi, apa lagi masalahnya jika dari semasa ke semasa ada cerita, berita, aduan tentang keluarga atau individu yang memerlukan bantuan bantuan tetapi tidak mendapatnya atau belum berhasil mendapatnya setelah lama memohon? Pada hemat saya sekarang bukan lagi masanya kita atau sesiapa tuding-menuding jari. Bukan lagi untuk salah menyalahkan. Sekarang ialah masa untuk melihat dan merenung ke dalam gerak kerja kita. Merenung tentang cara dan proses yang dilalui," tegasnya.

Yang Berhormat menjelaskan, dalam konteks Program Pembangunan Kepimpinan Penghulu dan Ketua Kampung (Siri Pertama) Tahun 2012 yang berlangsung di Dewan Majlis Mesyuarat Negara, Jalan Kebangsaan, di sini, Yang Berhormat menjelaskan, wakil-wakil daerah dalam MMN telah merespons dengan positif ke atas teguran yang disampaikan.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, dalam konteks Program Pembangunan Kepimpinan ini kita mengutamakan perkara yang sangat perlu diselesaikan dengan segera dan tuntas iaitu isu bantuan-bantuan.

"Kerana itulah dalam siri atau peringkat pertama ini kita khususnya kepada usaha memudahkan memohon, menimbang dan membuat keputusan dalam pemberian bantuan-bantuan kepada mereka yang memohonkannya".

Selain mereka itu, katanya, ialah orang-orang yang memerlukan bantuan tetapi belum mendapatkannya sama ada kerana tidak tahu bagaimana caranya.

Kesemua mereka yang memerlukan bantuan-bantuan itu, jelasnya, adalah anak-anak kampung dalam sesebuah mukim yang mana kampung dan mukim pula ada ketua dan penghulu dan masing-masing ada pula majlis-majlis perundingannya.

"Itu keduakan orang-orang yang memerlukan bantuan. Mereka ada ketua kampung dan penghulu dan ahli-ahli Majlis Perundingan," terang Yang Berhormat.

Dari segi yang lain pula jelasnya, ialah agensi-agensi yang menyediakan bantuan iaitu Jabatan Majlis Ugama Islam yang menerima dan mengumpulkan zakat untuk diagihkan kepada asnaf-asnafnya, Jabatan Pembangunan Masyarakat yang menjadi penyalur bantuan-bantuan kebajikan yang diperuntukkan oleh kerajaan, manakala Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang memegang dan menyalurkan bantuan amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat

Misalnya, jelas beliau, borang yang diisikan oleh pemohon, disahkan oleh Ketua Kampungnya, diserahkan kepada jabatan berkenaan pada peringkat daerah atau langsung ke ibu pejabat sementara dalam menelitiinya pula pihak-pihak penyalur bantuan akan turun padang memeriksa yang mana hasil pemeriksaan akan dilaporkan dengan ulasan positif atau negatif yang mana ketetapan sama ada permohonan tersebut berjaya atau sebaliknya akan diputuskan oleh pihak yang diberikan tugas atau kuasa mengenainya dalam agensi berkenaan.

Yang Berhormat menambah, dalam cara kerja dan proses yang dilalui

semacam itu, kita semua tahu betapa ia terpaksa memakan waktu yang lama dan dalam banyak kes tidak pula kita fahami dengan pasti sebab-sebab sesuatu keputusan melulus ataupun menolak permohonan itu lambat di buat sehingga berbulan-bulan.

"Ia mungkin berpunca pada borangnya yang panjang lebar menghendaki perkara-perkara yang terlalu *detail* sehingga sukar diberikan oleh pemohon, pada hal butir-butir perkara yang dikehendaki itu boleh diringkaskan dan mungkin kelemahan berpunca daripada pemohon dan penyokong tidak memahami syarat-syarat kelayakan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan ucaptama bagi merasmikan Majlis Perasmian Program Pembangunan Kepimpinan Penghulu dan Ketua Kampung (Siri Pertama) Tahun 2012. - Foto : Hatral Hazmi Abdul Hamid.

atau apa-apa saja sebab dan punca-nya," ujarnya.

Tetapi sarannya, tidakkah sudah tiba a masanya, syarat-syarat kelayakan itu dijelaskan secara telus, difahami oleh pemohon, oleh penyokong atau orang yang diberi tanggungjawab mengesahkan iaitu ketua kampung / penghulu.

"Tidakkah kita terfikir apabila permohonan itu disokong dan disahkan oleh ketua kampung/penghulu selaku pihak yang mengetahui keadaan pemohon, maka sokongan dan pengesahan itu dapat diterima memadai sebagai laporan yang diperlukan mengenai keadaan pemohon," kata-

Jika itu masih belum memadai tambah Yang Berhormat, bolehkah ia dikuatkan dengan sokongan dan pengesahan Majlis Perundingan Kampung.

Perkara itu, katanya, baru mengenai permohonan baharu dan bagaimana pula dengan permohonan menyambung bantuan yang tempohnya telah tamat selain orang-orang memerlukan bantuan tetapi terlepas pandang oleh pihak-pihak yang sepatutnya mengetahui.

Oleh itu, Yang Berhormat merancang agar kesempatan kursus ini digunakan untuk memudahkan kerja dan proses yang berkenaan dengan permohonan dan pemberian bantuan.

"Ia banyak berkaitan dengan agensi-agensi penyalur bantuan. Kerana itulah pihak-pihak berkenaan itu dibawa serta dalam program itu," jelasnya.

Tambahnya, mereka tidak sahaja akan bertindak sebagai nara sumber tetapi dalam masa yang sama mereka adalah peserta yang aktif yang bertanggungjawab sama mencari huraian-huraian terbaik mengenai sesuatu isu yang berbangkit.

"Ambillah kesempatan untuk menambah mana-mana yang carik-bibus. Kitasama terkilan apabila kita terlepas pandang sehingga ada berita, aduan dan cerita terdedah kepada umum mengenai nasib malang sesetengah anggota masyarakat yang susah seolah-olah tidak siapa yang tampil membela mereka," katanya.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Awang Mansor selaku tetamu Kehormat bergambar ramai bersama pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan yang mengikuti Kursus berkenaan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Generasi muda berkeupayaan, kreatif, berwawasan perlu

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Kementerian Pendidikan sangat komited dalam meneraju ke arah memajukan orang-orang yang berkemahiran tinggi dan berpendidikan di negara ini sejajar dengan Wawasan 2035 negara.

Perkara ini boleh di capai dengan melaksanakan satu sistem pendidikan yang dapat menyediakan generasi muda supaya berkeupayaan, kreatif dan warga yang berwawasan yang boleh menyumbang dan memberi faedah kepada keluarga mereka, masyarakat dan orang ramai.

Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman menekankan perkara itu ketika berucap merasmikan 'FDEPS-AGBEP PhD Colloquium' di The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Menurutnya, perkara tersebut ditekankan dalam Pelan Strategik 2012-2017 terkini kementerian, yang lebih memperakui kepentingan hubungan di antara pendidikan holistik dan

prestasi ekonomi sebuah negara.

Katanya, salah satu Fokus Bidang Strategik yang dikenal pasti di dalam Pelan Strategik ini ialah 'kecekapan dan keberkesanan' yang menekankan bagi memupuk budaya inovasi khasnya dalam pengajian tinggi adalah satu keutamaan.

Tambahnya, penyelidikan bagi pengurusan dan pembangunan atau proses R&D dalam universiti-universiti di Brunei Darussalam sekarang akan diukur dalam terma bagi beberapa penyelidikan yang dijana, beberapa kertas telah diterbitkan dalam jurnal berperingkat dan beberapa projek penyelidikan setiap kaitangan pada bila-bila masa setiap tahun akademik.

"Ini akan lebih mendorong penyelidikan dan inovasi dalam sektor pengajian tinggi dan bagi menyokongnya, kerajaan Brunei Darussalam telah memperturunkan satu peratus KNDKnya bagi penyelidikan untuk dua tahun ke depan. Ini adalah satu jumlah yang besar memandangkan bilangan kecil penyelidik dan institusi penyelidikan.

"Kita semua sedar yang penyelidikan dan inovasi merupakan kunci bagi pertumbuhan ekonomi, oleh itu adalah sangat penting mengutamakan jenis-jenis penyelidikan yang boleh memudahkan para graduan untuk berkembang maju, mencapai intelektual yang tinggi selain bagi memupuk kemahiran penyelidikan tanpa

lidikan di negara ini. Tetapi ia kemajuan yang positif bagi pengajian tinggi," ujarnya.

Jelasnya, UBD telah menjalankan beberapa inisiatif bagi meningkatkan profil penyelidikannya, kelompok-kelompok penyelidikan dalam pelbagai bidang yang mempunyai kelebihan daya saing telah dicipta, dana penggalak telah meningkat bagi para penyelidik, biasiswa penyelidikan siswazah yang berdaya saing bagi pelajar PhD boleh didapati dan yang paling penting budaya penyelidikan berimpak tinggi dan penerbitan telah menjadi lebih kuat.

Katanya, penyelidikan merupakan kunci intipati bagi identiti institusi bagi universiti-universiti dan produktivitinya bergantung kebanyakannya pada keupayaan penyelidikan dan kaitan penemuan penyelidikan.

"Ini tambahnya, akan menghasilkan keputusan yang berbeza bagi negara-negara yang berbeda, rantau-rantau dan universiti-universiti, tetapi menimbulangkan keperluan dan hubungan penyelidikan itu, sebagai salah satu daripada teori kemajuan bagi sosial, politik dan pembangunan ekonomi.

Sementara itu, Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pengajian Polisi, UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle antara lain berkata banyak inisiatif dijalankan oleh FBEPS bagi mengukuhkan budaya penyelidikan yang boleh memudahkan para graduan untuk berkembang maju, mencapai intelektual yang tinggi selain bagi memupuk kemahiran penyelidikan tanpa mengira apa karier yang mereka pilih.

meninggalkan apa karier yang mereka pilih.

Jelasnya, koloquium dua hari itu antara lain membincangkan kewangan Islam dan jenama halal, kewangan dan akaun, ekonomik, perniagaan dan keusahawanan serta pengurusan pengetahuan.

Dua pembentang kertas kerja perdana yang diundang ialah Pengarah bagi Kewangan Islam, Universiti La Trobe, Melbourne, Profesor Madya Ishaq Bhatti dan Ketua bagi Konsultasi dan Program Eksutif, INCEIF, Profesor Dr. Saiful Azhar Rosly.

Koloquium itu adalah kerjasama antara Rangkaian Program ASEAN Graduate Busi-

ness and Economics (AGBEP) dan Fakulti Perniagaan, Ekonomik dan Pengajian Polisi (FBEPS) UBD yang telah diinisiatifkan oleh FBEPS pada Mesyuarat Rangkaian Ke-12 AGBEP awal tahun ini di Bangkok, Thailand.

Selain dua pembentang kertas kerja perdana pengangur juga menjemput pembentang-pembentang dari Malaysia, Republik Indonesia dan beberapa orang pembentang dari UBD.

Tema PhD Koloquium tahun ini 'Menghubungkan Masyarakat Penyelidik Ke Arah Kemerlangan' (Bridging the Research Community Towards Excellence).



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr.Haji Junaidi bin Haji Abd Rahman semasa bergambar ramai bersama para peserta FDEPS-AGBEP PhD Colloquium'. - Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman.

GELOMBANG dan juga pergolakan masa kini ternyata membawa berbagai implikasi dalam kehidupan kita. Ternyata arus dan gelombang menerjah kehidupan generasi kita yang ada.

Perkembangan kehidupan yang mereka lalui juga amat mencabar terutama sekali hal sedemikian akan lebih ketara kepada generasi remaja perempuan. Justeru kita begitu komited agar pertumbuhan dan perkembangan kehidupan mereka tidak mewujudkan salah tafsir terhadap perubahan yang berlaku. Dalam realiti kehidupan masyarakat masa kini, kita berhadapan dengan pelbagai kuasa perubahan yang menuntut kita melakukan perubahan. Sama seperti orang lain, remaja juga tidak ketinggalan dilanda fenomena perubahan sosial ini yang amat ketara. Kegawatan sosial mengakibatkan remaja terpaksa melalui pelbagai cabaran dan rintangan. Walau apa pun pengalaman mereka dengan interaksi persekitaran, mereka seharusnya mampu menghadapi persekitaran mereka sendiri. Namun, persoalannya bagaimana?

Di negara kita ini kurang lebih 60 peratus penduduknya terdiri daripada kalangan belia muda remaja, dan ini merupakan jumlah terbesar yang menjadi komponen dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam tempoh 15 ke 20 tahun pula mereka ini akan menjadi generasi dewasa yang akan menjelamai negara dan seterusnya memainkan peranan sebagai penyambung kehidupan bernegara sema ada dalam kepimpinan masyarakat ataupun juga yang akan berperanan di sektor jentera kerajaan dan sektor swasta. Tidak kurang juga kalangan mereka ini akan menjadi mangkin penggerak ekonomi melalui sektor perdagangan, perusahaan dan juga perindustrian dalam bentuknya yang pelbagai skala. Melihat kepada peranan dan tanggungjawab yang akan dimainkan ternyata dalam peringkat pertumbuhan ini adalah penting bagi generasi muda remaja yang ada sekarang memahami akan peranan dan tanggungjawab, sekali gus mengerti akan kehidupan mereka sebagai generasi muda belia.

Faktor ini penting diperhatikan sebagai langkah ke arah membina masyarakat masa depan yang dapat dijadikan sebagai harapan dalam membina kemajuan negara kita yang tercinta ini. Sememangnya kita tidak boleh terlepas pandang daripada terus memainkan peranan dalam memantau dan membantu akan proses pertumbuhan mereka ini. Kerana pada peringkat ini merupakan proses penting bagi mereka dalam menentukan keberkesanan kehidupan masa depan yang akan dilalui. Salah satu dari perkara yang tidak boleh diabaikan ialah dalam menyemai kehidupan mereka dengan bidang keagamaan yang membina akhlak yang luhur, keilmuan yang tinggi yang akan menjadikan mereka sebagai aset atau pelaburan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Justeru adalah penting dalam kita terus membina pertumbuhan generasi muda remaja sedemikian ini, kita mengasaskan fahaman yang betul terhadap generasi muda belia, agar mereka tahu akan peranan dan tanggungjawab dalam pembinaan sebuah kelompok masyarakat

Oleh : H. A MANAP

yang berwibawa dan lebih berguna.

Jika kita melihat perkembangan sekeliling ternyata kita tidak dapat lari daripada persaingan sejagat yang semakin mencabar. Pada waktu yang sama kita juga terpaksa berhadapan dengan suasana dan iklim yang sentiasa mencari ruang ke arah memusnahkan generasi yang baru tumbuh ini. Pertembungan keduanya ini memberikan kesan yang amat mendalam dalam kehidupan bermasyarakat. Kerana kedua-duanya juga memberikan impak pembawaan bukan setakat generasi muda belia itu sendiri akan tetapi juga terhadap keberkesanan jentera pembinaan masyarakat yang lebih sempurna. Tidak perlu jauh untuk kita perhatikan dan nilai bersama, sebaik kita mula melangkah ke dalam suasana kehidupan yang lebih sofistikated ini, kita terdedah kepada berbagai unsur yang menjurus ke arah perkembangan positif dan negatif. Kedua-duanya beriringan pelbagai resipi yang membina setiap perkembangan kehidupan sekeliling itu.

Mahu tidak mahu kita harus pandai dalam memilih dan menentukan kriteria yang mana sepatutnya menjadi asas dalam meneruskan pembinaan kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Kegagalan dalam menentukan kehendak sedemikian ini bukan sahaja akan membahayakan sesuatu natijah yang merosakkan akan tetapi ia juga boleh mengalihkan pandangan dan tumpuan pembinaan masyarakat. Jika banyak perkara-perkara negatif yang perlu diusai dan perbaiki, kita bukan sahaja akan kehilangan banyak perbelanjaan malahan juga waktu dan pemikiran kita akan lebih terarah ke arah bagaimana kita boleh mengatasi gejala sedemikian ini. Inilah sebenarnya yang menuntut kepada golongan generasi muda belia untuk memahami akan kehidupan mereka sebagai generasi muda belia atau remaja khususnya. Mereka perlu bijak dalam menentukan dan mencorakkan kehidupan yang lebih diterima masyarakat atau sebaliknya.

Dalam usia yang muda merupakan proses kehidupan yang sangat istimewa. Di dalamnya ada ketangkasian, ada kekuatan, ada keberanian, ada kehendak yang berkobar dan juga ada semangat ingin maju yang sangat tinggi. Semua faktor inilah perlu diekspolitisasi untuk dijadikan sebagai modal yang akan membina generasi masa depan yang berwibawa, ampuh

menerima cabaran dan kebal dilanda pengaruh sosial yang merosak. Masa dan kehidupan yang dilalui tidak akan pernah berundur untuk diulang, justeru tidaklah wajar usia berharga dan keemasan sedemikian dibiarkan berlalu begitu sahaja. Justeru dalam usaha kita untuk membina sebuah masyarakat yang cemerlang dan bertamadun tinggi, kelompok ini lah yang perlu dijadikan tumpuan pembinaan sedemikian. Kita tidak boleh mengalah dengan pelbagai kerenah yang diwujudkan oleh mereka yang tidak pandai memanfaatkan usia muda remaja ini. Kesungguhan kita perlu diterjemahkan dalam erti kata berganding dan berbaya-baya membina dan memahamkan akan kekuatan nilai diri yang ada pada mereka. Inilah yang akan menjadi modal kehidupan masa depan mereka yang akan dewasa.

Kejayaan dalam membina dan mencorakkan kehidupan mereka dengan baik dan menepati kehendak yang dinginkan akan membantu kejayaan aspirasi masa depan negara. Justeru kita perlu jadi mentor yang baik dan berwibawa, yang akan dapat memberikan contoh dan kepimpinan yang berkesan. Pada waktu yang sama remaja belia tahu akan peranan dan fungsi kehidupan mereka sebagai masyarakat yang muda yang amat diperlukan oleh negara yang tercinta. Amatlah penting remaja menyedari bahawa mereka mempunyai pelbagai tanggungjawab dan tugas yang harus dijalankan agar mereka dapat diterima oleh sistem sosial sebagai sebahagian warga masyarakat. Sebenarnya, remaja mempunyai pilihan sama ada untuk terperangkap dalam permasalahan sosial atau berubah ke arah kebaikan sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam. Islam amat menitik beratkan kemajuan dan perkembangan diri yang positif pada setiap individu. Kita mesti mengambil usaha mengubah diri kita sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alaa yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri sendiri." (Surah Ar Ra'd: 11).

Namun, untuk memastikan kejayaan terhadap perubahan yang ingin kita lakukan, kita mestilah mengenal pasti kaedah yang boleh membawa kepada kejayaan tersebut. Angan-angan atau impian tidak akan menjadi kenyataan tanpa usaha. Malah dengan hanya berbekalkan semangat dan kemauan semata-mata, ia tidak akan mencukupi untuk berubah tanpa kaedah yang baik dan tersusun.

REMAJA

Berubahlah

Laut khazanah besar perlu dipelihara

Negara Brunei Darussalam mempunyai keluasan lautan lebih dari lima kali ganda berbanding dengan keluasan daratan negara ini yang memerlukan jagaan yang sama pentingnya dengan kawasan daratan. Lautan mempunyai khazanah yang besar untuk kita pelihara dengan sebaiknya supaya tidak pupus dengan sekilip mata sahaja. Jika lautan dan khazanahnya musnah, maka akan menyebabkan negara ini kekurangan sumber makanan, kehilangan sumber pendapatan kepada sesetengah orang terutama nelayan, pemprosesan makanan laut dan yang berkaitan dengan industri ini dan seterusnya menjelaskan perekonomian dan kesejahteraan pengusaha-pengusaha yang berkaitan.

Agama Islam memang menyuruh umatnya mencari rezeki yang halal, tetapi di dalam pada itu perlu juga mengetahui batas-batas dalam mencari rezeki seperti tidak bersifat pentingkan diri sendiri, tamak dan seumpamanya. Sebagai contoh tidak merosakkan takat-takat yang diketahui sebagai pemberian ikan, tidak menggunakan bahan-bahan letupan dan racun untuk menangkap ikan kerana akan merosakkan takat serta membunuh ikan-ikan yang tidak dimakan yang tidak menjadi sasaran. Perlu diketahui bahawa takat mengambil masa berpuluh-puluh tahun untuk kembali kepada keadaan asal

yang sihat. Jika takat sudah musnah, ikan-ikan juga tidak akan membaki di sana dan seterusnya menyebabkan penghasilan nilai terus berkurangan dan merugikan semua yang terlibat.

Kita selaku manusia yang dikurniakan akal hendaklah memakmurkan dan memelihara bumi kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan selayaknya, bukannya dengan melakukan kerosakan, melakukan pencemaran dan sebagainya. Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan di muka bumi ini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Araf ayat 56, tafsir-Nya :

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan kepadanya. Dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang kalau-kalau tidak diterima dan juga dengan perasaan terharap-harap supaya makbul. Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya."

Oleh yang demikian wahai Muslimin, bersempena dengan Sambutan Hari Lautan Sedunia, marilah kita sama-sama menjaga dan memelihara lautan daripada kegiatan

pencemaran seperti pembuangan sampah, pembuangan sisa-sisa kotoran seperti yang boleh mencemari alam sekitar laut yang banyak menyumbangkan kepada penghasilan makanan laut kepada kita. Di samping itu, jika kita memelihara laut, ia juga dapat menstabilkan perubahan iklim iaitu dengan menyekujuk suhu sekelilingnya. Marilah kita memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab kita sebagai Khalifah di muka bumi kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan selayaknya iaitu memelihara alam sekitar kita dari sebarang kerosakan dan pencemaran. Mudah-mudahan kita akan terus dapat menghirup udara yang nyaman dan segar serta dapat menikmati hidup dalam negara yang sejahtera dan aman damai. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Faathir ayat 12, tafsir-Nya:

"Dan tiada sama antara dua laut, yang ini tawar, segar, sedap diminum dan yang lain asin lagi pahit. Dan dari masing-masing laut itu kamu dapat memakan daging yang segar dan kamu dapat mengeluarkan perhisiran yang dapat kamu memakainya dan pada masing-masingnya kamu lihat kapal-kapal belayar membela laut supaya kamu dapat mencari kurniaan-Nya dan supaya kamu bersyukur."

وقت سمبهیغ داعیره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضھي

وقت سمبهیغ ، امساك ، شوروق دان ضھي باني داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 9 جون 2012 برساماعن دعن 19 رب 1433 هیٺڻ کهاري
جمعة 15 جون 2012 برساماعن 25 رب 1432 اداله سفرت دباوه اين:

مسیحی	ہاری	ھجریہ	امساك	صبح	شوروق	ضھي	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
جون		ربج								
9	سبتو	19	4.33	4.43	6.07	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
10	احد	20	4.34	4.44	6.07	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
11	اثنين	21	4.34	4.44	6.07	6.33	12.21	3.47	6.32	7.48
12	ثلاث	22	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.48	6.33	7.48
13	رابو	23	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
14	خميس	24	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
15	جمعة	25	4.34	4.44	6.08	6.33	12.23	3.48	6.33	7.49

وقت سمبهیغ باني داعيره تنووغ تنبیه ساتو مینیت دان داعيره بلاعیت تنبیه تیڭ مینیت دان سمبهیغ فرض جمعة دسلوروه نفارا بروني دارالسلام

دمولاعی دري ڦوكول 12.45 تغه هاري



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Dayang Hajah Mahani binti Haji Musa menyampaikan taklimat. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Enam asnaf berhak menerima zakat di negara ini

Oleh : Haniza Abdul Latif

Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Menyentuh mengenai Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Dayang Hajah Mahani menjelaskan, bahagian tersebut mengendalikan dan melaksanakan hal-hal yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran zakat antaranya termasuk mengurus kutipan-kutipan zakat harta dan zakat fitrah, urusan-urusan penrimaan dan penyimpanan wang zakat, urusan-urusan pelantikan amil-amil dan mengendalikan agihan dan bantuan zakat.

Sementara itu jelasnya, Ketua Kampung atau Penghulu Mukim adalah bertanggungjawab dalam meneliti, mengenal pasti, menyiasat dengan mengadakan lawatan ke rumah, menilai, mempertimbangkan, menyokong atau tidak menyokong setiap permohonan dengan memberikan ulasan dan menghadapkan borang permohonan bersama salinan dokumen-dokumen kepada jabatan tersebut.

Manakala pengagihan atau bantuan wang zakat kepada asnaf fakir dan miskin tambahnya, diagihkan secara bulanan atau tahunan bagi bantuan perlindungan, pendidikan,

tunai yang lazimnya diagihkan pada bulan Ramadan sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Agihan kepada asnaf amil pula katanya ialah upah mengutip zakat, upah menyerahkan agihan wang zakat kepada asnaf dan perbelanjaan bagi keperluan amil seperti bag, kalkulator, komputer dan sebagainya, sementara agihan kepada Al-Gharimin ialah membayar hutang bagi membina, membaiki atau menambah masjid, surau atau balai ibadat, membayar hutang bagi membina atau membaiki sekolah agama dan bayaran-bayaran hutang ditanggung oleh pemohon yang tidak dapat membayar dan menyelesaikan hutangnya seperti bil elektrik, air dan sebagainya.

Agihan kepada asnaf Ibnu Sabil pula jelasnya ialah bayaran sewa tempat tinggal, perbelanjaan makan minum, tiket penerbangan atau perjalanan balik ke negara asal dan wang saku bagi keperluan semasa perjalanan balik.

Terdahulu beliau menerangkan mengenai tanggungjawab Jabatan Majlis Ugama Islam (MUI) yang antara lain mengurus hal ehwal pentadbiran MUI dan hal ehwal yang berkaitan dengannya serta jawatankuasa-jawatankuasa di ba-


wahnya, di samping membantu dan menyediakan hal ehwal dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam dan agama Islam.

Selain itu, tambahnya, jabatan berkenaan juga mentadbir dan mengurus zakat, baitul mal dan wakaf, membuat penyelidikan mengenai isu-isu agama Islam dan mentadbir serta melaksanakan kehendak Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 serta Akta-Akta atau Perintah-Perintah lain yang berkaitan dengan MUI.

Program Pembangunan Kepimpinan Penghulu dan Ketua Kampung tersebut bertujuan untuk memberikan kefahaman, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memantapkan dan mengukuhkan lagi tahap kepimpinan dan kredibiliti para penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin akar umbi.

Ia juga untuk memastikan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan akan dilaksanakan dengan sempurna, teratur dan berkesan dan seterusnya menepati ekspektasi anak-anak buah mukim dan kampung di bawah pengawasan dan pentadbiran mereka.

SERUAN Suci



MARILAH kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa melaksanakan 'amal ma'aruf' dan 'nahi munkar' serta mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di Akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita masih lagi dapat menghirup udara yang nyaman dan segar, dikurniakan nikmat kesihatan dan dapat menikmati hidup dalam negara yang sejahtera serta aman damai. Oleh itu, kita hendaklah mensyukuri dan menghargai setiap kurniaan nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadi keperluan asasi bagi kehidupan manusia seperti nikmat air, udara, tumbuhan-tumbuhan, haiwan dan sebagainya yang merupakan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala sebagai pelengkap kepada kehidupan manusia di atas muka bumi. Kerana itulah Islam sangat mementingkan soal menjaga dan memelihara alam sekitar.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An Nahl ayat 14, tafsir-Nya :

"Dan Dialah Allah menundukkan lautan untukmu agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan) dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai dan kamu melihat bahtera belayar padanya dan supaya kamu mencari keuntungan dari kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Enam asnaf yang berhak menerima zakat di Negara Brunei Darussalam ialah fakir, miskin, amil, mualaf, Al-Gharimin dan Ibnu Sabil yang mempunyai kriteria masing-masing.

Tafsiran yang digunakan dalam garis panduan meneliti permohonan bantuan dari asnaf zakat ialah ketua keluarga, iaitu suami atau isteri apabila suami meninggal dunia atau suami ghairi atau dighaibkan dalam tempoh enam bulan atau lebih, isteri yang sah mengikut hukum Syarak, anak kandung atau anak angkat yang berdaftar secara sah mengikut Akta Pendaftaran Anak Angkat 1961 dan berumur 18 tahun ke bawah, penjaga iaitu orang yang bertanggungjawab membuat permohonan bagi orang di bawah jagaannya dan tanggungan iaitu orang yang ditanggung nafkahnya oleh ketua keluarga.

Pemangku Timbalan Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dayang Hajah Mahani binti Haji Musa menjelaskan perkara tersebut pada Sesi Taklimat Program Pembangunan Kepimpinan Penghulu dan Ketua Kampung Seluruh Negara 2012 - Siri Pertama (Seminar Memudah Cara Proses Permohonan dan Kelulusan Bantuan Kepada Agensi-Agenzi Berkennaan) berlangsung di Dewan Banquet, Bangunan

Belia diseru patahkan unsur negatif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Jun. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerja Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, mendorong para belia sama ada yang berpendidikan tinggi, serdahana atau tidak, mengikut keupayaan masing-masing supaya bertanggungjawab dengan penuh ta'at setia kepada Raja, kerajaan, ugama dan negara.

Belia seperti para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) perlu bangun dalam mempertahankan keamanan negara dan mematahkan unsur-unsur yang negatif yang mengugat kestabilan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan dorongan tersebut ketika membuat lawatan ke Kem Latihan sementara Projek Rintis Kedua PKBN di Perkampungan Sukan, Berakas bagi melihat secara lebih dekat latihan harian para pelatih.

Pada lawatan tersebut, Yang Berhormat juga sama-sama menunaikan Solat Subuh Berjemaah bersama para pelatih, jurulatih dan tenaga bantu Projek Rintis Kedua PKBN.

Penghayatan keagamaan seperti Solat Fardu Berjemaah, mengaji dan pelajaran ugama adalah antara intipati kurikulum para pelatih PKBN bagi meningkatkan kesedaran dari segi aspek kerohanian serta menyemai sifat persaudaraan sesama mereka.

Yang Berhormat juga mengadakan sesi ramah-mesra bersama para pelatih dan mengucapkan tahniah kepada para pelatih kerana telah menyahut cabaran dan berjaya melalui latihan mereka dengan semangat yang cekal di samping berterima kasih kepada para pegawai, penyelia dan jurulatih di atas kegigihan mereka melatih dan mendidik para pelatih PKBN.

PKBN diharatkant untuk membentuk belia yang berdisiplin dan berwawasan yang cintakan raja, ugama, negara.

Latihan-latihan yang diberikan juga diharapkan akan dapat menanamkan sifat menghormati warga emas, jiran tetangga dan sahabat mereka.

Di samping itu, para belia juga diharap bersedia menyingsing tangan dalam menghulurkan bantuan dan tenaga kepada masyarakat dengan penuh keperihatinan.

Dalam konteks tanggungjawab, para belia mestilah patuh kepada perlumbaan dan undang-undang negara dengan penuh tekad dan iltizam dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan bagi menjadikan Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, 'Baldatun Taibatun Warabbun Ghaffur'.

Projek Rintis Kedua yang bermula pada 1 April 2012 dan akan berakhir pada 23 Jun 2012 itu, melibatkan penyertaan 97 pelatih terdiri daripada 67 lelaki dan 30 perempuan di bahagikan kepada empat platon.

Seramai 44 pegawai terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Medik dan Jabatan Penjara terlibat sebagai penyelia dan jurulatih dengan dibantu seramai 39 bekas pelatih Rintis Pertama selaku sukarelawan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, Kem Komandan PKBN, Mejar (B) Mohamad bin Dollah serta pegawai-pegawai kanan KKBS dan Urus Setia PKBN.

MKJB lancar Projek 'Let's Go Green'



Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Teknik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Ab Manaf menanam pokok sejurus selepas merasmikan majlis berkenaan.

KUALA BELAIT, Selasa, 5 Jun. - Maktab Kejuruteraan Je-fri Blokiah (MKJB) hari ini mengadakan Majlis Pelancaran Projek 'Let's Go Green' MKJB 2012 di Foyer Maktab tersebut.

Majlis Pelancaran dirasmikan oleh tetamu kehormat, Pemangku Penolong Pengarah,

Jabatan Pendidikan Teknik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Ab Manaf.

Di Majlis Pelancaran tersebut, tetamu kehormat menyeraikan tong sampah kitar semula kepada Pemangku Pengaruh Maktab, Awang Habib Mohamad bin Haji Wan Junaidi yang ditaja oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).

Tetamu kehormat kemudian di bawa melawat dan melihat secara dekat ruang-ruang pameran dan kawasan-kawasan landscap dan kebun buah-buahan serta berkesudian menanam sepuhon pokok di perkaraan maktab.

Aktiviti-aktiviti tersebut diharap akan dapat memberi peluang dan pendedahan kepada warga maktab untuk bergiat aktif dan menjadi masyarakat yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Projek bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan mempromosi aktiviti pemeliharaan alam sekitar di kalangan warga maktab.

Dua murid terpilih wakili Kawasan Brunei IV

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MUKIM PENGKALAN BATU, Selasa, 5 Jun. - Awang Yadi bin Haji Jailani dari Sekolah Al-Faalah (Cawangan Ban 5) dan Dayang Asyah binti Ahmad Baha dari Sekolah Ren-

dah Jerudong masing-masing terpilih ke peringkat akhir (se-negara) bagi Pertandingan Azan Subuh serta Doa dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi Sekolah-sekolah Rendah dan Swasta, Kawasan Brunei IV.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Taman Mini Perayaan Kampung Parit pagi tadi ialah Pemangku Penolong Pengarah Zon Brunei IV, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norisah binti Haji Salleh selaku Penggerusi Majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diikuti ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Panchor Murai, Brunei IV, Dayang Hajah Asmah binti Haji Sulaiman selaku Penggerusi Majlis.

Dalam ucapannya beliau antara lain menjelaskan, tujuan pertandingan adalah untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman beragama dengan menghayati bacaan Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan

Azan.

"Pertandingan ini juga bertujuan untuk melibatkan penyertaan murid-murid dalam kegiatan yang bercorak keagamaan di samping mengasuh bakat dan kebolehan mereka dalam bidang pembacaan Ayat-ayat Lazim dan Azan Subuh serta Doanya," jelasnya.

Selain itu tambahnya ia juga untuk mendidik para murid dengan menanamkan semangat cintakan Al-Qur'an ketika masih kecil dan menjadikan membaca Al-Qur'an sebagai satu budaya yang wajib diutamakan.

Katanya, zaman kanak-kanak adalah zaman pertumbuhan kesuburan dan penyemaian kerana mereka merupakan generasi muda abad ke-21 yang bakal mewarisi bangsa dan negara di masa hadapan.

"Mereka adalah merupakan tenaga penggerak yang dinamik dan pemaju bangsa dan negara yang akan menentukan arah tuju dan bentuk negara yang akan datang," ujarnya.

Pertandingan tersebut diakhiri dengan persembahan murid-murid Sekolah Rendah Panchor Murai dan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan disempurnakan



SEORANG peserta semasa melaungkan Azan pada pertandingan tersebut.



PEMANGKU Penolong Pengarah Zon Brunei IV, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norisah binti Haji Salleh semasa menyampaikan ucapan pada Pertandingan Azan Subuh serta Doa dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi Sekolah-sekolah Rendah dan Swasta, Kawasan Brunei IV.

oleh tetamu kehormat.

Sebanyak 15 buah sekolah Zon Brunei IV dan sebuah sekolah swasta menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Ko-Kouri-kulum, Kementerian Pendidikan yang dikelolakan oleh Sekolah Rendah Panchor Murai, Kawasan Brunei IV.

PENDAHULUAN

KERAJAAN Melayu yang tertua, dikenali sebagai Kerajaan Funan (Phanom atau Gunung). Kerajaan-kerajaan awal di Alam Melayu berasal daripada serpihan-seripahan Kerajaan Melayu yang disebutkan. Funan dibangun pada KM pertama oleh Kaudinya anak raja dari India telah menghuni Daun Willow (Lin-Yeh) ketua orang-orang Funan.

Ibu negeri Funan dikenali dengan nama Vyadhipura dan bandar pelabuhannya bernama Go-Oc-Eo terletak di Lembah Sungai Mekong. Funan merupakan sebuah kerajaan yang monopoli dalam perdagangan laut pernah membuat hubungan diplomatik dan perdagangan dengan China.

Kerajaan Funan meningkat kemuncak keagungannya pada akhir KM ke-5 dan mula mengalami kemerosotan kira-kira TM 650-680 akibat dari serangan orang Khmer. Daripada perpecahan tersebut melibatkan penghijrahan ke Utara Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa dan Brunei (Borneo). Daripada riwayat China menunjukkan ada penghijrahan awal (sebelum pecah Kerajaan Funan) ke Sumatera (di Melayu sekitar TM 400) dan Brunei dengan demikian penghijrahan selepas pecah Kerajaan Funan adalah perpindahan menuju bukan mencari penempatan. Kekeraban perang saudara telah wujudkan beberapa buah kerajaan di Kepulauan Melayu.

PEMBENTUKAN KERAJAAN

Seperti yang dimaklumi kekecuan yang berlaku di Funan menyebabkan penghijrahan anak-anak dan keluarga Diraja Funan mencari dan membuat penempatan baru bagi menubuhkan kerajaan yang terdapat di Kepulauan Melayu. Daripada riwayat-riwayat yang disebutkan berkemungkinan kerajaan yang wujud di Asia Tenggara (Nusantara) adalah berasal daripada Dinasti Kundinya yang datang menyeberang daripada Kerajaan Funan (Gunung) seperti yang diketengahkan oleh pengkaji dan penyelidik sejarah.

Brunei wujud sezaman dengan Kerajaan Tarumanegara di Jawa, berdasarkan prasasti (batu bersurat) yang dijumpai berhampiran Tanjung Priok, wujud pada KM ke-5 merupakan Kerajaan Hindu / Buddha tertua di Jawa (sebelum TM 450). Manakala Brunei daripada batu stupa bertulis dengan huruf Pallava dalam bahasa Sankrit yang ditemui di Perkuburan Dagang, Kianggeh dan di Buang Abai, Limbang ini menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei itu sezaman dengan Tarumanegara seperti yang disebutkan dalam Salasilah Raja-Raja Brunei.

Kedudukan Brunei yang strategik dengan pelabuhannya yang teduh serta kaya dengan hasil hutan dan buminya, Brunei menjadi tarikan dan pilihan dalam kalangan ahli pelayaran dan pedagang-pedagang yang berulang alik dari Tanah Arab, India, Alam Melayu, China dan sebaliknya; melalui

Oleh : Awang Z. Hassan

jalan perdagangan lama yang dikenali sebagai 'Jalan Sutera Laut' atau 'Jalan Rempah' ke Alam Melayu, daripada catatan dan riwayat-riwayat di beberapa sumber serta artifak-artifak yang dijumpai membuktikan kewujudan sebagai kerajaan yang tua. Di antara riwayat itu ialah catatan atau rekod yang diriwayatkan oleh kedinastian China yang silih berganti seperti Liang Shu, Tang Shu, Sung Shih, dan Ming Shih ada menyebutkan kerajaan P'o-li, P'o-lo dan P'o-ni.

KAUDINYA DARI SUMBER CHINA

Dalam riwayat China telah menyatakan pada KM ke-5 Raja P'o-li menghantar utusan ke China tetapi nama rajanya tidak disebutkan, kecuali Dinasti Liang sahaja yang menyebutkan nama Raja P'o-li bernama Pin-ka dan keluarganya bernama "Kaudinya". Mungkin Raja P'o-li yang menghantar

Batu Nisan Seri Maharaja Berunai: Satu Tinjauan Awal

'BRUNEI wujud sezaman dengan Kerajaan Tarumanegara di Jawa, berdasarkan prasasti (batu bersurat) yang dijumpai berhampiran Tanjung Priok, wujud pada KM ke-5 merupakan Kerajaan Hindu / Buddha tertua di Jawa (sebelum TM 450).'

utusan ke China pada TM ke-5 itu bernama S'uddhodana yang memerintah P'o-li ketika itu daripada keluarga yang sama. Menurut Dr. Haji Abdullah Ishak mengatakan:

"Kaudinya seorang anak raja dari India, berugama Brahman. Beliau datang ke Funan dari arah Selatan melalui jalan laut... berjaya menghuni... Daun Willow (Lin Yeh)..."

Kaudinya yang disebutkan oleh Dr. Haji Abdullah Ishak itu berkemungkinan juga sama dengan keluarga Di raja P'o-li yang diriwayatkan oleh Dinasti Liang.

HUBUNGAN DENGAN CHINA

Dalam catatan terawal China meriwayatkan mengenai Raja P'o-li, telah diceritakan hubungan mesra antara China dengan P'o-li (Brunei) iaitu pada bulan ke-3 TM 473. "Song Shu" pula menyebutkan Raja P'o-li telah menghantar utusan membawa surat dan barang-barang pesambah ke China. Hubungan Brunei dengan China sudah lama terjalin sering berbalas-balas utusan dan membuat hubungan perdagangan. Menurut Groeneveldt yang dipetik daripada sejarah Dinasti Sung (TM 960-1279) P'o-li atau P'o-lo, juga disebut P'o-ni mengatakan Rajanya bernama Hiang-ta pada zaman pemerintahannya seorang saudagar Cina bernama Pu-lu-hsieh datang bermiaga ke P'o-ni pada TM 977. Ketika Pu-lu-hsieh hendak balik ke China, Raja Hiang-ta telah menghantar tiga orang utusannya bersama-sama dengan Pu-lu-hsieh ke China yang diketuai oleh Pu-ya-li, Shih Nu dan Qadhi Kasim membawa surat dan barang-barang pesambah terdiri daripada 100 kulit kura-kura, kapur barus, lima keping gharu, tiga dulang cendana, kayu raksamala dan enam gading gajah.

BANDAR P'O-NI

